

UCAPAN DASAR
PRESIDEN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
Muktamar Tahunan PAS ke - 54
2008

Mukaddimah

الحمد لله حمدا الحامدين , وحمدا الشاكرين , وحمدا يوافي نعمه ويكافي مزیده , يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك . أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له , له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير . وأشهد أن محمدا عبده ورسوله , البدر الدجى والسراج المنير . اللهم وصل وسلم وبارك على محمد أشرف الأنبياء والمرسلين , وعلى آله وصحبه أجمعين , ومن سار على نهجه إلى يوم الدين .

Yang Dihormati Pengerusi Tetap, YAB Tuan Guru Datuk Mursyidul 'Am , Sohibul Fadhilah Datuk Timbalan Mursyidul 'Am, Ashab al Fadhilah Ahli Majlis Syura Ulama, Yang Berhormat Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Ketua-Ketua Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimat, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Agung dan seluruh Anggota Dewan Harian, Ahli-ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Dewan-Dewan, Ketua dan Ahli Jawatankuasa Kelab Penyokong PAS. Sahabat-sahabat dari Pakatan Rakyat, NGO, para tetamu dalam negara dan luar negara, Wakil-wakil Kedutaan Asing, seluruh para perwakilan dan pemerhati, Muslimin dan Muslimat yang dikasihi sekalian.

Seterusnya diucapkan selamat datang (*Ahlan wa sahan wa Marhaban bikum*) kepada semua sahabat seperjuangan dari luar negara, para tetamu jauh dan dekat, serta para pemerhati yang sudi memeriahkan Muktamar PAS kali ke 54 ini.

1. Pertamanya marilah kita semua melafazkan *Alhamdulillah*, bagi menyatakan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t. kerana dengan hidayah Nyalah kita beristiqamah dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), membawa obor penyelamat untuk menerangi ummah dan seterusnya melangsungkan perjuangan Islam yang

wajib diteruskan. Marilah kita terus beriman dengan aqidah perjuangan dan sepenuhnya yakin dengan janji Allah untuk kemenangan dunia dan akhirat, walaupun banyak dan susahnyanya cabaran dan jauhnya perjalanan.

Firman Allah s.w.t. :

Maksudnya :

“Dia mengampunkan dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan disediakan kepada kamu tempat-tempat kediaman yang baik di dalam syurga-syurga 'Adn, Itulah (kemenangan di Hari Akhirat) kemenangan yang sangat besar, dan yang lain kamu sangat menyukainya, iaitu pertolongan Allah dan kemenangan yang hampir (di dunia) dan berilah berita gembira kepada orang-orang yang beriman”

Dan firman Allah :

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيًّا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ الشُّقَّةُ
وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوِ اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ
لَكَاذِبُونَ

Maksudnya :

"Kalau yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh, pastilah mereka mengikutimu, tetapi tempat yang dituju itu amat jauh terasa oleh mereka. Mereka akan bersumpah dengan (nama) Allah: "Jika kami sanggup tentulah kami berangkat bersama-samamu". Mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya mereka benar-benar orang-orang yang berdusta."

Hadirin-hadirat sekalian,

TEMA MukTAMAR & ASAS PERJUANGAN PAS

2. Pemilihan Muktamar PAS ke-54 di negeri Perak Darul Ridzuan ini, adalah menandakan satu penghormatan kepada tempat di mana PAS memulakan langkah pertamanya dalam lipatan sejarah perjuangan PAS. Di negeri inilah, tertubuhnya Hizbul Muslimin pada tahun 1948 di Maahad Ihya As-Syarif, Gunung Semanggol. Di sini jugalah pada tahun 1955, PAS mula mengenal erti demokrasi pilihanraya setelah wakil rakyat pertama dari PAS iaitu Tuan Guru Hj. Ahmad b. Tuan Hussein yang bertanding di Krian telah dipilih menerusi Pilihanraya Pertama untuk Kerusi Majlis Undangan Persekutuan. Seterusnya, di negeri Perak ini jugalah Dewan Ulamak PAS telah ditubuhkan secara rasmi di Batu 20, Bagan Datoh pada tahun 1957.

3. Sejak dari PAS mula bertapak, hinggalah ke hari ini selama lebih dari 57 tahun sejarah perjuangan PAS, maka kita menyaksikan bahawa PAS masih tetap utuh dan teguh, walaupun berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran dan tribulasi yang sentiasa mendatang. PAS tidak pernah mengalah untuk terus berjuang menerusi luns demokrasi yang ada di dalam negara kita ini walaupun dikepung dari pelbagai sudut menerusi akta-akta yang menzalimi kehidupan bermasyarakat dan bercanggah dengan prinsip keadilan sejagat.

4. Marilah kita sama-sama terus memperteguh dan memacu jamaah kita untuk berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran yang akan sentiasa ada di hadapan kita. Pelbagai ujian pula akan datang dari segenap sudut perjalanan perjuangan sehingga ke hari Kiamat. Marilah juga kita sama-sama mengikhlaskan niat dan amal perbuatan kita semata-mata kerana Allah, untuk melaksanakan tugas dan amanah yang amat berat di muka bumi ini.

5. Kita bermuktamar untuk kali yang ke 54 pada hari ini, dengan tema "PAS UNTUK SEMUA" adalah berteraskan kepada keyakinan yang tinggi bahawa perjuangan yang kita bawa ini adalah merupakan suatu amanah untuk memakmurkan sekalian alam ini. Perjuangan PAS tetap kekal utuh dan bertahan sehingga ke hari ini kerana mempunyai tujuan penubuhannya yang berteraskan kepada akidah perjuangan yang jelas. Perjuangan PAS adalah bersifat universal,

untuk seluruh umat manusia, membawa keadilan sejagat, sebagaimana yang termaktub dalam Bab Ketiga, Fasal 6, Perkara (8), (9) dan (10), Perlembagaan PAS di mana usaha-usaha PAS ialah :

- Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam,
- Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini,
- Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta manghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia

6. Saya juga ingin mengajak semua para hadirin, untuk mengimbas kembali dan benar-benar memahami akan tujuan PAS diwujudkan lebih dari 57 tahun yang lalu. Berdasarkan kepada Perlembagaan Parti Islam SeMalaysia (PAS), Bab Ketiga, Fasal 5, merumuskan bahawa tujuan PAS ialah :

- (1) Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaaan Allah.
- (2) Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara

7. Berasaskan kepada tujuan penubuhan dan usaha-usaha yang dilaksana oleh PAS, maka kita semua perlu memahami bahawa PAS bukan sahaja berperanan menjadi sebuah parti siyasah, tetapi juga sebuah organisasi dakwah dan tarbiyah atau sebuah gerakan yang turut menjadi mata rantai gerakan Islam di seluruh dunia. Segala bentuk peranan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh PAS semestinya bersesuaian dengan sifatnya sebagai sebuah gerakan Islam itu sendiri.

Sesungguhnya segala perancangan dan tindakan kita adalah untuk menyampaikan mesej Islam sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w. dan kita yang melangsungkan kewajipannya:

Firman Allah s.w.t. :

قُلْ يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا

إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي ۚ وَيُمِيتُ ۚ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ

وَكَلِمَاتِهِ ۚ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya :

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) Yang Menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; Yang menghidupkan dan mematikan. oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi Yang Ummi Yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutlah Dia, supaya kamu peroleh hidayah petunjuk".

Hadirin-hadirat sekalian,

PASCA PILIHANRAYA UMUM KE-12

8. Saya mengambil kesempatan ini, untuk menyampaikan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu PAS mencapai kemenangan dalam Pilihanraya Umum ke 12 yang baharu sahaja berakhir. Walaupun diserang dari segenap penjuru, PAS telah mencapai kemenangan yang sangat cemerlang dan mengekalkan pemerintahan di Kelantan, membentuk kerajaan di Kedah, diberi kepercayaan untuk mengetuai pemerintahan di Perak, bersama membentuk kerajaan di Selangor dan menyumbang kepada pemerintahan di Pulau Pinang serta memperkukuhkan kedudukan di Terengganu. Benih-benih perjuangan juga mula bertapak dan berkembang pesat di beberapa negeri seperti Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis.

9. Walau apapun sebab musabab berlakunya tsunami perubahan lanskap politik dalam negara kita ini, PAS ingin menegaskan bahawa kemenangan ini tidak mampu dicapai tanpa usaha bersungguh-sungguh dan bantuan dari petugas-petugas PAS dan dari semua individu dan parti dalam Pakatan Rakyat, penyokong dari pelbagai bangsa dan agama, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan yang memberi bantuan dalam pelbagai bentuk.

10. Terimakasih secara khusus juga ditujukan kepada rakan-rakan Pakatan Rakyat yang memberi kepercayaan kepada PAS memimpin negeri Kedah dan Perak dan memberi peranan bersama di Selangor dan Pulau Pinang.

11. PAS juga mengalu-alukan peranan Media Baru dalam pelbagai bentuk yang turut sama membantu dalam pilihanraya yang lepas. Peranan mereka sebagai agen penyampai maklumat di zaman ini tidak boleh dinafikan. Mereka mempunyai pasaran yang tersendiri terutamanya dalam suasana media massa dikekang dengan pelbagai jenis akta dan peraturan yang zalim. Dalam masa yang sama, semua pengamal media juga perlulah mempunyai etika dan bertanggungjawab terhadap maklumat yang disampaikan agar ianya adalah tepat dan bukan bertujuan untuk menyebarkan fitnah dan menjadi pengadu domba dalam masyarakat.

Hadirin-hadirat sekalian,

12. Dalam pilihanraya yang lalu kita terus melaksanakan *Thahaluf Siyasi*, dengan parti-parti dan semua pihak yang bersahabat dengan kita. Keputusan ini tidak dibuat oleh mana-mana individu secara berseorangan dalam PAS. Perkara yang sebegini besar telah menempuh proses perbincangan, penghujahan dan diperhalusi menerusi Jawatankuasa Politik dan Jawatankuasa PAS Pusat, dan diputuskan oleh Majlis Syura Ulama.

13. Persefahaman dan kerjasama ini diwujudkan di atas titik persamaan keadilan untuk semua dan bersama-sama menentang kezaliman dan penyelewengan sehingga membuahkan slogan Negara Berkeadilan, tanpa menyentuh hak mana-mana parti politik dalam pakatan dengan ideologi perjuangannya.

14. Sekiranya kita meninjau pasang-surut sejarah perjuangan PAS sejak dari puluhan tahun lalu, PAS tidak pernah mengkhianati kesetiaannya dengan janji. PAS tetap teguh dengan janji ini selama mana ianya tidak dikhianati. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa PAS adalah setia dengan persefahaman ini.

15. Pada masa yang sama, PAS sebagai sebuah parti siyasah, dakwah dan tarbiyah, hendaklah juga berjiwa besar dengan menyahut ajakan semua pihak yang menghulur tangan untuk menyelesaikan masalah ummah dan sekalian ahli masyarakat. Ini adalah kerana Al-Quran dan Sunnah yang menjadi panduan tertinggi telah mengajar kita supaya bersikap terbuka mencari kebaikan dan menolak fasad. Maka PAS menerima segala undangan daripada mana-mana parti politik dan juga NGO dari dalam dan luar negara. PAS banyak melibatkan diri dalam muzakarah, seminar, forum dan lain-lain bagi menyampaikan mesej Islam yang kita dukung.

16. Pertemuan yang kita adakan ini pula wajar dilakukan dengan berhati-hati dan bijak, dan bukannya bertujuan untuk menjadi penyelamat kepada mana-mana pihak yang sedang terkapai-kepai kelemahan. PAS juga sekali-kali tidak akan bersama dengan mana-mana parti dan kerajaan yang sedang dilanda penyakit.

15. Kepimpinan parti pula akan mendengar dahulu apa yang hendak dinyatakan dalam semua bentuk pertemuan itu sebelum membuat apa-apa pertimbangan. Manakala keputusan pula tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi hendaklah dirujuk kepada Parti disemua peringkat terlebih dahulu. Majlis Syura

Ulama akan mengkaji sesuatu situasi yang berlaku dengan berdasarkan kepada hukum Islam dan pimpinan pusat pula yang akan merancang strategi parti. Sekiranya perlu, Mukhtar Khas mesti diadakan supaya segala keputusan yang dibuat ini adalah berlandaskan kepada asas yang kukuh bagi memikul amanah perjuangan menegakkan Islam yang tercinta. Ingatlah bahawa menegakkan Islam yang tercinta ini adalah lebih penting daripada segala-galanya.

16. Allah menegaskan kepada kita cara berjamaah yang bertonggalkan kepada Allah dan Rasul. Seterusnya para mufassirin menegaskan bahawa Ulul 'Amr ialah pemimpin dan Para Ulama, dan PAS sememangnya dipandu dengan Kepimpinan Ulama serta konsep Syura yang jelas.

Dengarlah firman Allah s.w.t. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ^ط فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ

فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ^ج ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥١﴾

Maksudnya :

“Wahai orang-orang Yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang mengendalikan urusan) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”

Hadirin-hadirat sekalian,

17. Walau apapun, PAS tetap akan mempertahankan matlamat dan perjuangannya. Nadi perjuangan PAS akan terus berdenyut untuk memartabatkan Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan PAS. Kita percaya bahawa penentangan terhadap Islam yang melahirkan Islamofobia sebenarnya diwujudkan oleh musuh-musuh Islam yang mahu menyelamatkan diri daripada tenggelam bersama kegagalan mereka sendiri.

18. Mereka tidak boleh menyembunyikan diri daripada tanggungjawab menjadi penyebab kepada gejala politik zalim dan menipu, menindas antara satu sama lain dan penyebab kepada gejala sosial yang merosakkan akhlak sehingga jiwa menjadi berkecamuk dan akhirnya membuahkan jenayah. Itulah natijah sekularisma yang melahirkan berbagai ideologi dan teori yang memisahkan cara hidup daripada agama. Maka jangan sekali-kali mengajak kita atau memaksa kita supaya meninggalkan Islam yang sempurna ini agar tenggelam bersama mereka. Allah mengingatkan kita dengan firman Nya :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksudnya :

”Wahai orang-orang yang beriman ! Masuklah kamu ke dalam Agama Islam (dengan mematuhi) Segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; Sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”

19. Kita hendaklah sama-sama menyedari betapa mahalnya pengorbanan ahli dan penyokong PAS untuk mencapai kejayaan dalam Pilihanraya Umum ke 12 yang lalu. Perlu juga diingat bahawa PAS telah memberikan sahamnya yang sangat besar kepada kemenangan ini dengan mempunyai paling banyak jentera parti di kalangan Pakatan Rakyat dan bekerja untuk Parti lain di kalangan Pakatan Rakyat. Kita sama-sama bekerja dan menyedari bahawa kita menghadapi pilihanraya di medan yang

tidak sama rata, disebabkan oleh amalan demokrasi yang dipenuhi kecacatan, penipuan, kezaliman dan lain-lain.

20. Maka dalam mengisi kemenangan ini, peranan PAS secara menyeluruh di masa pilihanraya itu hendaklah diambil kira. Seluruh perwakilan pula hendaklah melaksanakan muhasabah supaya setiap langkah parti kita jangan sekali-kali dipersia-siakan. Penerusan bersungguh-sungguh terhadap cita-cita untuk menegakkan Islam yang menjadi dasar dan halatuju PAS, janganlah kita leka dan dipinggirkan. Jangan kita sekali-kali leka dan tenggelam seolah-olah peranan kita adalah hanya untuk musim pilihanraya semata-mata dan tidak ada lagi peranan selepas mencapai kemenangan. Konsep parti yang bertindak memandu sesebuah kerajaan itu pula hendaklah dipastikan berlaku supaya kelangsungan perjuangan parti itu terpelihara.

21. PAS wajib bermuhasabah sejauh mana Islam berperanan dalam mengisi kemenangan ini. Maka tidak ada apa-apa faedah sekiranya Islam tidak diberi apa-apa peluang untuk melaksanakan tugasnya yang adil untuk semua. Sabda Rasulullah s.a.w.¹

الإسلام يعلو ولا يعلى عليه

(Islam itu berada ditempat yang tinggi jangan ada yang mengatasinya)

22. Sejarah gerakan Islam yang hanya digunakan ketika menentang penjajah dahulu, kemudian dipinggirkan selepas merdeka jangan diulang lagi. Sejarah menukilkan bahawa golongan Islamlah yang paling hebat menentang kezaliman, kemudian mereka pula dizalimi setelah fajar kemenangan itu menyinsing. Jadikanlah PAS parti yang memimpin dan bukannya parti yang menumpang. Kita adalah Parti yang diberi kemuliaan oleh Allah dengan Islam. Kita akan menjadi hina sekiranya kita mencari kemuliaan dengan yang lain dari Islam.

Hadirin-hadirat sekalian,

PEMERKASAAN NEGERI DI BAWAH PAKATAN RAKYAT

23. Slogan Islam untuk semua (*Islam For All*) yang kita canangkan pula bukannya sekadar halwa telinga pada musim pilihanraya, bahkan ianya perlu berterusan untuk mengisi kemenangan. Pengisian ini adalah berlandaskan tahap kedudukan kita disemua peringkat dan keadaan, berpandukan kepada siyasah syar'iyah yang diukur mengikut kemampuan dan keadaan, dasar Islam yang teguh, pelaksanaan yang anjal dan tidak hanyut. Percayalah bahawa Islam telah menjamin hak keadilan dan kebebasan beragama, beribadat dan berbudaya kepada semua rakyatnya

24. Semua kerajaan negeri yang kita pimpin dan kita menyertainya, beserta dengan semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, dan ahli disemua peringkat parti hendaklah mengisi kemenangan yang telah dicapai di atas risalah Islam yang menjadi kewajipan kita , demi mempertahankan kemenangan yang ada dan menempah kemenangan baru yang lebih besar dimasa yang akan datang,

25. Walaupun kerajaan negeri baharu sahaja dibentuk, rakyat diseluruh negara sedang memerhati dan menilai prestasi pentadbiran baru di negeri-negeri ini. Kita mesti menunjukkan kesungguhan dalam pentadbiran dengan penuh amanah dan profesional, seterusnya menjadi contoh kepada negeri-negeri yang masih ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional pada hari ini.

26. Saya juga menyeru kepada semua orang yang diamanahkan untuk menguruskan kemenangan ini, samada sebagai Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan ataupun dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menunjukkan kemampuan tinggi mentadbir dan menjayakan semua tugas yang diamanahkan agar menjadi contoh yang boleh dibanggakan. Gunakanlah segala macam bentuk ilmu pengurusan yang ada dan akhlak Islam yang ditarbiyah oleh PAS dengan penuh hikmah dan beramanah.

27. Perlu juga kita ingat, bahawa anjakan baru dalam pengurusan pentadbiran negeri Pakatan Rakyat ini telah mengundang pelbagai ancaman dari pihak yang mempunyai sifat hasad dengki. Ancaman daripada mana-mana pihak untuk meruntuhkan kerajaan ini melalui rasuah dan ugutan mesti dilawan dengan iltizam

yang kukuh. Oleh itu, contoh yang ditunjukkan oleh ahli-ahli kerajaan Kelantan dalam sesi yang lalu yang dapat bertahan dan memerintah dengan hanya mempunyai majoriti satu kerusi bagi tempoh lebih 2 tahun walaupun diganggu oleh cubaan rasuah, harus diteladani. Dari segi integriti sesebuah kerajaan, PAS dapat mempertahankan rekod kerajaan yang bersih rasuah dan adil di Kelantan sejak dari tahun 1990 lagi. Manakala kerajaan negeri Terengganu di bawah pemerintahan PAS dahulu pula dapat bertahan sehingga tamat penggalnya, walaupun dizalimi dari segenap sudut dan dirampas royalti minyaknya, yang akhirnya dikalahkan oleh penipuan dalam pilihanraya yang berikutnya.

28. Pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat seperti yang dijangka, telah berhadapan dengan berbagai cabaran berikutan tindakbalas kerajaan pimpinan Barisan Nasional yang masih berkuasa di peringkat pusat. Walaupun Jabatan Pembangunan Persekutuan belum di wujudkan secara rasmi di negeri-negeri berkenaan, tindakan mewujudkan ketua-ketua kampung berasingan oleh kerajaan pusat kini menimbulkan masalah perpaduan di kalangan rakyat. Kerajaan yang baru juga mengesan pelbagai salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pentadbiran yang lalu. Kerajaan pusat juga bertindak menangguhkan projek-projek yang mempunyai kepentingan rakyat. Natiujahnya, rakyat menjadi mangsa kepada percaturan politik sempit yang dimulakan oleh Kerajaan Pusat pimpinan Barisan Nasional.

29. Walaupun menerima tekanan yang sedemikian, sehingga kini kerajaan negeri Pakatan Rakyat telah dapat menunaikan sebahagian besar janji-janji pilihanraya yang bertemakan 'Negeri Berkeadilan' seperti pelaksanaan takaful kafalah di Kelantan, pembekalan air percuma di Selangor, penyerahan hak milik tanah di Perak dan cukai tanah di Kedah yang dikurangkan.

30. PAS akan menganjurkan supaya diwujudkan Majlis Menteri Besar Pakatan Rakyat seberapa segera bagi memastikan pembangunan lima buah negeri ini dirancang bersama dan saling menguntungkan. Majlis ini akan menjadi platform untuk menggabungkan kekayaan dan kekuatan negeri seperti sumber alam, bekalan air, kemudahan pelabuhan dan sebagainya bagi menjadikan lima negeri ini kompetitif kepada pelabur asing dan tempatan. Saya mencadangkan supaya aktiviti menarik pelabur asing dapat dijalankan secara bersama bagi negeri yang dikuasai

Pakatan. Pakej bersama ini, yang mengenenahkan kelebihan dan keistimewaan negeri di bawah Pakatan Rakyat terutamanya dengan sikap keterbukaan kerajaan negeri, bersifat telus dan bebas rasuah akan lebih menarik minat pelabur.

31. Bagi memastikan kelancaran jentera pentadbiran kerajaan di bawah Pakatan Rakyat pula, pembentukan satu jawatankuasa khusus yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan pentadbiran kerajaan perlulah diwujudkan. Jawatankuasa ini perlu dianggotai oleh wakil dari parti-parti dalam Pakatan Rakyat. Sebarang masalah yang timbul juga boleh dibincang dan diselesaikan menerusi jawatankuasa ini.

32. Saya juga ingin mencadangkan agar semua kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat untuk membangunkan prasarana masjid sehingga ianya boleh mengintegrasikan berbagai fungsi masyarakat seperti klinik, ruang mesyuarat, sukan, tuisyen dan sebagainya. Pendakwah-pendakwah juga digesa meningkatkan prestasi dakwah mereka bagi merawat masalah sosial masyarakat.

Hadirin-hadirat sekalian,

PEMERKASAAN PARTI

33. Setelah berakhirnya pilihanraya umum yang lalu, para pengamat politik telah meletakkan PAS sebagai *KING MAKER* dalam arena politik tanah air dewasa ini. Walaupun begitu, PAS jangan menjadi parti yang lena dengan jolokan yang diberi. Yang terpenting ialah istiqamah kita kepada prinsip dan matlamat perjuangan, serta berpegang bahawa tidak ada kaedah matlamat menghalalkan cara dalam PAS. Kedudukan Jawatankuasa Pusat, Dewan Harian dan Lajnah–Lajnah dalam PAS adalah sebagai perancang dan pelaksana dalam perjalanan parti dengan mencari jalan terbaik. Kedudukan Majlis Syura Ulama pula bukan sekadar menjadi terompah kayu yang hanya dipakai apabila perlu atau sekadar menjadi alat yang dipijak sementara waktu.

34. Oleh yang demikian, semua pihak dalam organisasi parti hendaklah melaksanakan tugas masing-masing dan sentiasa bermuhasabah dalam setiap

masa dan keadaan supaya parti Islam ini terus beristiqamah diatas landasan perjuangannya. Semua kita tidak ada apa-apa kepentingan dalam perjuangan ini melainkan mencari keredhaan Allah. Sesiapa yang membawa lain daripada cara ini pasti tersungkur atau disungkurkan .

35. Marilah kita terus dengan disiplin dan budaya kita, kerana inilah cara yang telah mempertahankan PAS sehingga menjadi parti yang makin kuat dan maju ke hadapan walaupun cabaran semakin bertambah dalam perjuangannya. Oleh itu peranan lajnah aktiviti dalaman PAS seperti Lajnah Tarbiyah dan Jawatankuasa Pemerkasaan Parti termasuklah Majlis Syura Ulama dan lain-lain hendaklah diperkasakan mengikut keperluan gerakan Islam yang berwibawa dan bersedia mengalami tajdid. Budaya cintakan ilmu, usrah dan pelbagai program tarbiyah perlulah diperhebatkan.

36. Usaha untuk menggerakkan penubuhan cawangan-cawangan PAS perlu dipergiatkan secara tersusun di seluruh negara. Pada masa kini, bilangan cawangan PAS di seluruh negara ialah 6332 buah cawangan di 175 kawasan. Berdasarkan kepada jumlah kawasan parlimen di Malaysia, maka keadaan ini menggambarkan PAS mempunyai sekitar 78.8% kawasan di parlimen seluruh Malaysia. Kita perlu menggembeling tenaga untuk mempertingkatkan bilangan ini kepada sekurang-kurangnya ke 90% atau penambahan sebanyak 25 buah kawasan lagi untuk tempoh dua tahun yang akan datang.

37. Pada ketika ini, peratusan bilangan ahli PAS berbanding bilangan penduduk beragama Islam masih kurang 10% dari jumlah penduduk Islam di Malaysia. Walaupun begitu, peratusan tertinggi bilangan ahli PAS di kalangan jumlah penduduk beragama Islam ialah di Perlis dan Kedah yang merekodkan sekitar 11 peratus ahli PAS. Perancangan dan gerakerja tersusun dalam meramaikan ahli PAS perlu disusun dan dilaksanakan oleh Lajnah Pemerkasaan Parti dengan kerjasama Lajnah-lajnah yang lain, disamping tugas ini perlu disambut dengan penuh bersungguh-sungguh oleh Badan Perhubungan PAS Negeri-negeri, PAS Kawasan-kawasan serta PAS cawangan-cawangan agar cita-cita kita untuk meningkatkan bilangan ahli PAS ke sekitar 15% dari jumlah penduduk Islam di negeri masing-masing boleh dicapai dalam tempoh masa dua tahun akan datang.

38. Walaupun begitu, penambahan bilangan cawangan semata-mata adalah tidak memadai. Peningkatan kualiti cawangan juga semestinya dipandang penting, supaya seimbang dengan kuantiti cawangan dengan mempunyai program yang tersusun dan organisasi yang kukuh bagi mendepani masyarakat. Program tarbiyah seperti usrah juga perlu diperkasakan sehingga menjadi satu unit yang mampu menyediakan ahli dengan fikrah Islam yang jelas dan mantap. Jadikanlah cawangan ini sebagai satu institusi yang boleh membantu rakyat berhadapan dengan pelbagai kesulitan hidup yang senantiasa mendatang.

39. Di samping itu, Kempen Jom Sertai PAS anjuran Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat perlu dilancarkan ke seluruh negara, daerah dan kampung kerana ketika ini PAS lah harapan orang melayu Islam di negara ini selepas harapan dan sokongan orang melayu kepada UMNO telah dinodai. Dalam nada yang sama, orang-orang Melayu yang berpaksikan UMNO pada masa kini pula perlu untuk berpindah kepada PAS kerana perjuangan Islam PAS adalah lebih menyeluruh tanpa sempadan bangsa seperti UMNO.

40. Dari segi organisasi pula, Pejabat Agung PAS Pusat dan Pejabat Perhubungan PAS Negeri pula perlu diperkasakan supaya sesuai dengan tuntutan zaman dan masa. Sistem pentadbiran di Pejabat Agung dan Pejabat Perhubungan PAS Negeri perlulah menggunakan semua sistem pengurusan kontemporari, mempunyai instrumen pentadbiran dan infrastruktur yang lengkap, disamping mempunyai petugas sepenuh masa yang berkecualan dan komited dengan perjuangan PAS. Aktiviti untuk membina petugas sepenuh masa ini perlulah dirangka supaya kehadiran mereka dapat dimanfaatkan secara optimum dan menyumbang kepada kecekapan pengurusan dan pentadbiran di pejabat PAS ini. Dalam masa yang sama, satu sistem saraan yang sistematik perlulah dirangka supaya petugas di pusat ini dapat menjalankan tugas dengan penuh ketekunan.

41. Untuk pengetahuan para perwakilan sekalian, Markaz Tarbiyah PAS di Taman Melewar yang telah banyak berjasa dalam perjalanan perjuangan PAS itu juga akan dinaikkan taraf menjadi satu kompleks tarbiyah, sesuai dengan perkembangan zaman yang berlaku pada masa kini. Ianya akan menempatkan ruang seminar, bilik berdiskusi, surau, bilik penginapan, foyer pameran dan lain-lainnya. Sehubungan dengan itu, segala macam bentuk sumbangan dan derma dari

semua pihak amat dialu-alukan. Peluang sedekah jariah dan fi-sabilillah ini telah ditawarkan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Quran menerusi firman Nya :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِئَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya :

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai : seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (karunia-Nya) lagi Maha Mengetahui”

42. Kawasan-kawasan PAS di seluruh negara pula perlu menyediakan prasarana yang diperlukan sebagai pusat khidmat masyarakat yang benar-benar berkesan. Petugas-petugas parti juga perlu dipertingkatkan kemahiran dan ketrampilannya supaya menjadi pembimbing kepada seluruh anggota masyarakat pelbagai bangsa dan agama.

Hadirin-hadirat sekalian,

43. Pasca pilihanraya umum keduabelas juga menunjukkan suatu tanda kejayaan untuk masa depan perjuangan kita yang berlandas dan bermatlamatkan Islam. Isu *Islamofobia* yang sengaja diwujudkan untuk menakutkan manusia mendekati Islam, tiba-tiba membuka minda ingin tahu apa dia Islam, dan telah membawa perubahan yang sangat positif kepada perjalanan perjuangan kita.

44. Kita bukan sahaja terus menerus menerima ahli baru yang makin bertambah, bahkan kita lebih maju ke hadapan, menerusi penubuhan Kelab Penyokong PAS. Penubuhan kelab ini sahaja tidak memberi apa-apa makna sekiranya tidak diisi dengan sesuatu program yang bersesuaian. Program kemasyarakatan bersama

dengan ahli Kelab Penyokong PAS perlu dipergiatkan di seluruh negara. Kita juga amat mengharapkan agar mereka dapat diberikan peranan yang lebih besar di dalam PAS pada masa hadapan.

Hadirin-hadirat sekalian,

DEWAN-DEWAN

45. Dalam menghadapi arus perdana masa kini, peranan Dewan Ulamak, Pemuda dan Muslimat perlulah juga diperkasakan. Kerjasama antara Dewan-dewan dalam menyediakan asas yang memberi kekuatan kepada parti perlu diterokai. Anggota dewan-dewan ini pula hendaklah berjiwa besar dan menjadi pemimpin dalam masyarakat di luar sana, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi bergerak hingga ke peringkat antarabangsa. Budaya ceramah, berbincang dan menulis dalam pelbagai medium perlulah diperkukuhkan, sesuai dengan peranan anggota dewan yang menjadi pemimpin dalam masyarakat.

46. Dewan Ulamak umpamanya adalah tonggak kepada PAS sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang tubuhnya, dan seterusnya menjadi sumber asasi kepada Islam yang menjadi panduan tertinggi kepada PAS. Maka para ulama yang mewarisi pusaka Rasulullah S.A.W. ini seharusnya mempunyai peranan penting dan paling besar dalam PAS. Ahli Majlis Syura Ulama dipilih dikalangan mereka, sebahagian kepimpinan juga dari kalangan mereka. Kalangan mereka paling ramai terlibat dalam memulakan perjuangan sejak kedatangan Islam di rantau ini, seterusnya menegakkan pemerintahan Islam yang berjasa kepada tamadun Islam seluruhnya selain dari mempelopori perjuangan menentang penjajah.

47. Oleh itu, gerakerja secara berkesan perlu diperhebatkan oleh Dewan Ulamak bagi mengumpulkan seramai mungkin para ulama untuk melibatkan diri dalam segala kegiatan PAS dan melahirkan para ulama pelapis. Golongan ulama pelapis yang berpotensi sebagai penerus kepada ikatan perjuangan ini perlulah dikenalpasti serta disediakan program yang lebih tersusun.

48. Golongan ulama ini juga adalah pemelihara syakhsiah parti dan maruahnya. Ingatlah !, mereka juga memerlukan tarbiyah dan bukan sahaja mentarbiyah kan orang lain. Para ulama juga perlu dibekalkan dengan pelbagai jenis ilmu yang boleh membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Mereka seharusnya mampu menghadapi pelbagai cabaran serta proaktif dalam menangani isu semasa, menjadi jurubicara ummah dan juga mampu untuk mencadangkan penyelesaian masalah kehidupan moden yang kompleks pada masa kini.

Hadirin-hadirat sekalian,

49. PAS mengucapkan setinggi tahniah di atas kejayaan Pemuda PAS menarik sokongan dan penglibatan pengundi muda dalam pilihanraya umum baru-baru ini. Petugas pilihanraya pemuda telah memberikan sumbangan besar dalam membantu PAS dalam pilihanraya yang baru sahaja berlalu. Selain dari itu, kecekapan dan ketrampilan Unit Amal di bawah kelolaan Dewan Pemuda pula mendapat pujian dari pelbagai pihak di atas sikap professional dan tahap disiplin tinggi yang ditunjukkan. Sesungguhnya inilah kebanggaan kita semua.

50. Oleh kerana perjuangan kita adalah satu perjuangan yang panjang yang tidak habis dengan satu generasi selagi kita berada di bumi Allah, maka mentarbiyah pemuda supaya menjadi pelapis adalah termasuk dalam agenda penting dalam parti.

51. Kepimpinan dalam perjuangan datang dan pergi, pemimpin yang lama akan digantikan dengan pemimpin yang baru. PAS telah meletakkan sebahagian besar tanggungjawab pembangunan kepimpinan PAS ke atas Dewan Pemuda. Pemuda lah yang akan memastikan PAS sentiasa mempunyai barisan pelapis kepimpinan yang mencukupi serta berkeupayaan di masa depan.

52. Dalam pada itu juga, dalam era kita bersedia untuk membentuk kerajaan, proses pembentukan kepimpinan mesti mampu melahirkan pemimpin yang bukan sahaja berintegriti malah mampu untuk menjadi pemimpin yang bakal mentadbir negara dan berperanan di peringkat antarabangsa. Mereka mestilah proaktif dalam

menghadapi isu-isu dalam negara dengan turun ke medan sesuai dengan sifat semulajadi pemuda itu sendiri. Mereka ini perlulah berkemampuan untuk membahas isu-isu dasar dalam pemerintahan sesebuah negara dan seterusnya mencadangkan penyelesaian kepada masalah semasa yang wujud.

53. Dewan Pemuda PAS diharap dapat terus berperanan sebagai organ parti yang penting dalam membantu parti bergerak dalam percaturan politik yang kian mencabar dewasa ini. Fungsi semak dan imbang ("*check and balance*") harus menjadi agenda penting pemuda dalam memastikan matlamat PAS sentiasa terjaga dalam apa jua keadaan.

Hadirin-hadirat sekalian,

54. Peranan Muslimat adalah sama pentingnya dengan muslimin di dalam pembangunan negara. Ada perkara yang sama dan ada yang berbeza mengikut penentuan Allah secara fitrah. Muslimat PAS telah membuktikan bahawa mereka juga berperanan dalam pembentukan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya.

55. PAS mengucapkan tahniah kepada muslimat PAS yang telah bergerak pantas dengan berjaya memenangi beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Kini PAS mempunyai tiga Ahli Dewan Rakyat, satu Ahli Dewan Negara, dan empat Ahli Dewan Undangan Negeri, di mana 3 daripadanya adalah Exco kerajaan negeri. Muslimat PAS juga telah merintis penglibatannya di dalam Majlis-majlis Perbandaran di negeri-negeri Pakatan Rakyat, dan ini memperlihatkan bahawa Muslimat PAS telah mengeluarkan diri dari pemencilan dan mampu berdaya-saing di dalam masyarakat.

56. Muslimat memainkan peranan yang besar dalam menegak dan mempertahankan Islam dan menjadi benteng yang ampuh untuk berhadapan dengan kumpulan wanita yang rakus menentang Islam dan menyesatkan rakyat. Apa yang paling penting ialah muslimat PAS telah memainkan peranannya yang besar dalam menjayakan jentera parti. Kita mengucapkan syabas kepada muslimat di atas peranannya yang sangat besar dalam pilihanraya yang baru sahaja berakhir.

Mereka juga menunjukkan pengorbanan yang tinggi tanpa mengira samada muslimat menjadi calon atau tidak.

57. Sesuai dengan tanggung-jawab dan peranannya, Dewan Muslimat perlulah merancang untuk memenuhi ruang-ruang tarbiyah dan kebajikan serta mencari formula perlaksanaannya untuk mendekati diri ahli dengan masyarakat yang berbilang lapisan dan kefahaman. Antara usaha yang boleh dijalankan ialah meneruskan kerja-kerja kebajikan untuk membantu golongan yang kurang mampu serta mendekati dan membantu meringankan bebanan Ibu Tunggal.

Hadirin dan hadirat sekalian,

ISU NASIONAL

58. Sesungguhnya negara kita sedang menghadapi pusingan yang menunjukkan tanda-tanda berlakunya gejala fasad, politik, ekonomi, alam sekitar dan lain-lain . Politik di Malaysia telah berjangkit dengan penyakit kerajaan yang dipimpin oleh parti yang berpenyakit, rasuah atau politik wang, perpecahan merebut jawatan, penyalahgunaan kuasa, sehingga bercelaru ke dalam pentadbiran, isu kehakiman yang akhirnya melanggar dasar perlembagaan yang menjamin keadilan dan hak asasi rakyat. Kritikan SUHAKAM terhadap beberapa institusi tersebut adalah menjadi bukti parahnya penyakit ini dalam pentadbiran negara.

59. Kritikan SUHAKAM yang disuarakan menerusi Laporan Tahunan SUHAKAM 2007 umpamanya, menyerlahkan kepincangan dan pelanggaran kepada hak asasi manusia di dalam negara kita ini. PAS bersetuju dengan saranan-saranan SUHAKAM seperti meminta pihak kerajaan untuk meminda Seksyen 27 Akta Polis 1967, memansuhkan amalan penahanan tanpa bicara, penggunaan kekerasan melampau untuk menyuraikan tunjuk perasaan oleh rakyat serta menerima hak-hak bagi rakyat peribumi. PAS berharap agar pihak kerajaan pada masa kini dapat mengambil pandangan SUHAKAM ini demi kesejahteraan rakyat dalam negara kita.

60. PAS juga percaya bahawa kebebasan badan kehakiman dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) perlulah berlaku sebagai satu pra syarat kepada iklim negara yang lebih demokratik. Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja isu kilp video yang dikeluarkan pada tahun 2008 pula menyerlahkan lagi kepincangan dalam badan kehakiman di negara kita. Ianya bukan sahaja memalukan, tetapi menjadi bahan momokan masyarakat antarabangsa. PAS menggesa tindakan membetulkan kepincangan ini dilaksanakan dengan segera oleh pihak kerajaan.

61. PAS juga senantiasa komited dengan pendirian bahawa akta dan undang-undang yang menekan kesejahteraan rakyat serta zalim seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak, Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Kolej dan Universiti Kolej (AUKU) perlu dipinda supaya persekitaran kebebasan rakyat akan lebih bermakna.

62. Suasana demokrasi dalam negara kita ini perlulah juga mengalami proses transformasi bagi memastikan ianya berjalan dengan lebih baik. Oleh yang demikian, perjuangan memulihkan demokrasi dan menyelamatkan negara dan rakyat daripada dinodai dengan rakus ini belum berakhir dengan kemenangan yang kita kecapai pada hari ini. PAS hendaklah memimpin dan menggerakkan lagi seluruh rakyat untuk bersatu menegakkan demokrasi yang benar dan adil.

63. Kejayaan kita mengerahkan himpunan rakyat dibawah payung organisasi yang dinamakan BERSIH bagi menyuarakan desakan pemulihan demokrasi dengan pilihanraya yang adil, demokratik dan telus, sebelum pilihanraya umum, menunjukkan kepada kita bahawa PAS bukan sahaja boleh menyertai pilihanraya, bahkan PAS juga mampu mengerah rakyat turun ke jalanraya. Ini membuktikan bahawa PAS tetap mempunyai kekuatannya yang tersendiri, yang tidak boleh diperkecilkan.

64. Dalam usaha untuk melaksanakan reformasi sistem pilihanraya di dalam negara kita ini, maka PAS merasakan bahawa SPR perlu dipertanggungjawabkan secara terus kepada Parlimen. Selain dari asas sedemikian, segala bentuk proses sistem pilihanraya itu juga perlu adil dan telus. Antaranya, sistem pilihanraya yang diamalkan sekarang yang berkonsepkan *first-past-the-post* perlulah mengalami proses reformasi kepada sistem perwakilan berkadar (*proportional representation*)

bagi membentuk sistem pilihanraya campuran yang lebih saksama. Selain dari itu juga, kajian terhadap proses perubahan persempadanan bahagian pilihanraya, pembersihan daftar pemilih, ketelusan undi pos, rasuah pilihanraya, aktiviti rapat umum dan kempen pilihanraya, peranan media massa yang berat sebelah dan lain-lainnya perlulah diubah untuk menjamin proses pilihanraya yang lebih adil sesuai dengan perkembangan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

65. Sesungguhnya ekonomi dunia sedang melalui kitaran bergelora setelah hampir satu dekad memacu pertumbuhan global yang agak rancak. Dalam masa yang sama pimpinan negara dengan mudahnya meletakkan asas masalah kegawatan ekonomi yang sedang kita lalui ke pihak lain, bahawa bahana ekonomi ini adalah berpunca dari pihak luar dan bersifat global serta sukar diatasi.

66. Sementara kita menyalahkan semua pihak tersebut, pimpinan negara ini perlu sedar bahawa tindakan mereka menarik balik RM13.7 bilion subsidi bahan bakar pada tarikh malang 6 Jun 2008, sekaligus mengisytiharkan kenaikan 41% harga petrol ke paras RM2.70 seliter dan 63% harga diesel telah menjadikan suasana ekonomi negara menjadi semakin parah. Seolah-olah itu tidak cukup untuk mendera rakyat, kerajaan ini turut membuat pengumuman tentang kenaikan tarif elektrik domestik dan sebanyak 26% bagi penggunaan komersil bermula 1 Julai yang lalu. Semua ini berlaku dalam suasana pimpinan negara membuat janji untuk tidak akan menaikkan harga minyak di pam selepas pilihanraya umum lalu.

67. Tindakan paling tidak bertanggungjawab ini telah membuka seluas-luasnya pintu inflasi, yang telah pun menaikkan kos saraan hidup harian rakyat – makanan, pengangkutan dan segala perkhidmatan ke paras yang tidak pernah dialami rakyat. Bukan sahaja rakyat berpendapatan rendah seperti kakitangan awam termasuk pesara, petani dan nelayan, ibu tunggal, warga emas, golongan miskin dan fuqara' yang sedang berdepan dengan bebanan kehidupan semakin menekan dan sukar ditanggung, kesan berantai ini juga telah mengakibatkan semua sektor perniagaan termasuk sektor pembuatan dan pertanian; samada pengilang, pemborong, pengedar dan peruncit turut ditimpa impak inflasi ini.

68. PAS dan bersama rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat telah menegaskan bahawa tindakan menaikkan harga bahan bakar dengan menarik balik subsidi berjumlah RM13.7 bilion pada bulan Jun lalu adalah perbuatan paling tidak bertanggungjawab yang dilakukan secara gopoh tanpa melakukan satu kajian secara mendalam.

69. Yang wajar ditegaskan ialah, dalam memacu pertumbuhan yang mapan serta mengekalkan daya-saing negara dan menentukan kualiti hidup yang menasabah untuk seluruh rakyat, sebuah kerajaan yang prihatin terhadap rakyat mestilah meletakkan kepentingan dan kesejahteraan seluruh warga supaya tidak terkorban.

70. Seandainya pengurusan khazanah kekayaan negara termasuk minyak, hasil hutan dan kayu-kayan, hasil galian dan bijih serta kini keuntungan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, diurus-tadbir dengan mampan dan bijak, negara ini telah lama mencapai status 'negara maju', 'negara mithali-baldatun tayyibah' dengan pengagihan kekayaan dilakukan dengan adil, samada di antara kaum atau etnik, khususnya di kalangan Bumiputera itu sendiri yang paling parah dari segi jurang pendapatannya.

71. Akibat dari kelemahan pengurusan ekonomi negara inilah, maka pembangunan ekonomi negara tidak setangkas negara-negara membangun lain di dunia seperti Taiwan dan Korea Selatan yang pada suatu ketika dahulu adalah setanding atau berada di belakang dari Malaysia. Ketirisan ekonomi Malaysia adalah berpunca dari perancangan yang tidak menyeluruh, ketempangan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi, rasuah, dasar patronage dan kronisma. Kelemahan ini telah memberi laluan mudah dan segera kepada segelintir rakyat yang menjadi penggerak UMNO-Barisan Nasional menjadi kaya raya, manakala rakyat luar bandar, golongan makan gaji, kakitangan kerajaan, nelayan, petani menjadi semakin miskin dan parah kedudukan ekonomi mereka.

Allah s.w.t. berfirman :

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ
السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ
فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٧﴾

Maksudnya :

7. Apa Yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa Dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan Yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah Yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka Terimalah serta amalkan, dan apa jua Yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang Yang melanggar perintahNya).

72. Dalam hal ini, PAS yang juga dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi dan pelbagai bidang kepakaran lainnya sudah bersedia dengan maklumat dan priskripsi yang boleh menjadi sebahagian dari jalan penyelesaian jangka pendek dan panjang untuk memastikan rakyat terbanyak akan lebih terbela, dan sumber kekayaan negara terurus dengan lebih beramanah. Inilah yang ditunjukkan oleh PAS dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) suatu masa dahulu dalam memberikan cadangan sehingga ianya dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah.

73. Pada masa yang sama, gejala sosial yang berlaku dengan menularnya keruntuhan aqidah, kerosakan akhlak serta merebaknya jenayah dan penyelewengan, menunjukkan undang-undang dan penguatkuasaan hilang

kehebatannya. Ianya bukan sahaja tidak berkemampuan untuk mengubati pelbagai wabak yang berlaku tetapi akan membarah kalau dibiarkan. Rakyat pula hidup dalam ketakutan, seolah menanti sahaja jenayah yang bakal menimpa mereka dan keluarga tercinta.

Firman Allah :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا

فَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّمَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya :

96. Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) Yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

74. Dalam memastikan pengamalan Islam yang menjadi asas kepada umat Islam dapat berjalan dengan sempurna, maka pemeraksanaan institusi Mahkamah Syariah perlulah dilaksanakan secara menyeluruh dalam semua negeri-negeri di Malaysia. Pindaan terhadap akta-akta untuk memberi ruang yang lebih luas kepada Mahkamah Syariah perlulah dilakukan dengan segera. Pembangunan sumber manusia untuk memastikan Mahkamah Syariah dapat berdiri tegak dan dipandang tinggi oleh masyarakat Islam perlulah menjadi satu agenda penting dalam negara kita ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

POLITIK ANTARABANGSA

75. Senario politik antarabangsa sehingga kini, belum juga menunjukkan sebarang petanda ke arah meredakan konflik dan pertentangan, hasil dari cetusan tindakan sehalu bersifat unilateral kuasa 'unipolar' yang semakin angkuh serta membelakangkan keputusan "Multilateral" anjuran Badan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

76. Namun perkembangan yang amat menarik di Timur Tengah serta dunia Islam sejak akhir-akhir ini adalah arus kebangkitan rakyat yang mendesak ke arah hak-hak 'kebebasan bersuara' dan 'pendemokrasian' yang menyeluruh. Tuntutan ini di pelupori oleh pertubuhan-pertubuhan Islam serta parti-parti politik yang kembali menuntut hak mereka secara terbuka untuk bersama-sama terlibat secara bebas dan adil dalam proses demokrasi dan pilihanraya.

77. Kita bermuktamar pada kali ini di dalam suasana pilu berlakunya 'Nakbah' terhadap bumi Palestin. Tepat pada tahun 2008 ini maka genaplah 60 tahun berlaku peristiwa Nakbah iaitu peristiwa malapetaka ke atas rakyat Palestin. Pada tahun 1948 itu tentera Zionis Israel telah melancarkan pembersihan etnik iaitu sejumlah 750,000 orang atau tiga perempat populasi daripada rakyat Palestin dihalau keluar dari kediaman mereka.

78. Mereka telah dipaksa menjadi pelarian dalam negara Palestin sendiri dan termasuk di negara-negara jiran yang kini telah mencecah lebih 4.5 juta orang. Kini sudah enam dekad pelarian Palestin hidup dalam kemiskinan dan penafian keperluan asasi yang sangat parah. Mereka terpaksa hidup tanpa makanan yang mencukupi, tanpa tempat tinggal, tiada pekerjaan, pendidikan dan kemudahan rawatan.

79. PAS ingin menegaskan sekali lagi bahawa dunia Barat mesti memperakui bahawa rakyat Palestinlah yang menjadi mangsa keganasan Zionis-Israel hasil penaklukan haram serta rampasan ke atas bumi mereka. Sikap Zionis-Israel dan

Barat yang terus menerus mengamalkan dasar 'double standard' terhadap isu Palestin adalah amat di kesali. Namun kita yakin insyaAllah, di hari yang terdekat ini seluruh bumi Palestin akan di bebaskan dan kita umat Islam akan dapat kembali beribadat di Masjid Al-Aqsa yang menjadi Qiblat pertama umat Islam.

Hadirin dan hadirat sekalian,

80. Amat tidak wajar seandainya masyarakat antarabangsa sekadar berdiam diri menyaksikan tindakan unilateral seperti yang disaksikan ketika pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan Afghanistan dahulu yang mengorbankan ratusan ribu nyawa manusia dan membawa penderitaan kecacatan dan trauma dahsyat pasca-perang.

81. Adalah menjadi harapan umat Islam serta Gerakan Islam amnya dan PAS secara tegasnya, supaya dunia Barat terutamanya Amerika Syarikat menolak sikap prejudis dan prasangka buruk terhadap Islam dan ummat Islam. Sejarah mutakhir juga telah menyaksikan bagaimana perasaan ini dizahirkan dengan peristiwa biadab tentang penerbitan karikatur Rasulullah (saw) yang ditayang oleh akhbar harian Danish dan diikuti di beberapa negara lain.

82. PAS secara tegas dan jelas juga membantah segala keganasan dan terrorisme dalam apa jua bentuk, samada bersifat jenayah mahupun yang ditaja oleh sebuah negara (*state-sponsored terrorism*). Perlu juga diingat bahawa PAS adalah antara badan politik yang terawal mengutuk pengeboman Pusat Dagangan Dunia di New York dan serangan ke atas pejabat-pejabat kedutaan kerana dilarang oleh Al Quran dan Sunnah. PAS menghantar ucapan takziah kepada keluarga mangsa serangan ganas itu. PAS juga antara yang terawal membantah kekejaman Amerika Syarikat serta sekutunya di Afghanistan, Iraq dan kini di bumi suci Palestin. Namun PAS mahu mengingatkan bahawa "Keganasan mencetuskan Keganasan", dan lingkaran ini memang tidak ada penghujungnya. Dunia perlu memastikan punca-sebab keseluruhan gejala keganasan ini, di iktiraf dan di atasi segera oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu itu.

83. Dalam isu di Balkan pula, PAS menyeru kerajaan Malaysia dan OIC untuk mengambil langkah mengiktiraf kemerdekaan Kosovo, kerana hak untuk memerintah sendiri mereka perlu dihormati oleh semua pihak setelah mereka dizalimi di tanahair sendiri.

84. Di Afrika pula, dakwaan jenayah perang oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa terhadap Presiden Sudan, Omar Hassan Al-Bashir, juga perlu ditangani oleh negara umat Islam dalam OIC sendiri kerana ianya tidak menyelesaikan masalah sebenar yang melanda di Darfur, Sudan. Campurtangan oleh kuasa-kuasa besar menerusi agensi perundangan antarabangsa dengan tanpa meneliti persoalan asas yang berlaku boleh menyebabkan krisis menjadi lebih parah lagi.

85. Saya juga ingin menegaskan kembali pendirian dan sikap PAS dalam hal hubungan Barat dan Islam agar ianya tidak dilihat dari perspektif satu pertembungan yang sengaja digembar gemburkan oleh media Zionis dan penulisan seperti "Pertembungan Tamaddun". Sesungguhnya, manusia yang cintakan kedamaian ini tidak akan bertembung kecualilah hak mereka dirampas dan dizalimi menerusi undang-undang rimba secara kekerasan, autokratis, kuku-besi dan kejam.

PENUTUP

86. Akhirnya, marilah kita tunaikan amanah kewajipan menyambung risalah Islam, bersama wadah Parti Islam SeMalaysia (PAS), yang ditubuhkan oleh generasi yang mendahului kita, dengan memenuhi ciri-ciri Parti Islam seperti yang dinyatakan dalam undang-undang tubuh PAS, yang dihuraikan pelaksanaannya disemua peringkat dalam ucapan dasar ini .

87. Teguhkan parti dengan tarbiyah dan beramal dengan ikhlas kerana Allah, melahirkan ahli yang bersifat benar, amanah, menyampaikan dan bijaksana, menyontohi sifat para Rasul dan generasi salafussoleh, kerana sebenarnya kita menyambung perjuangan mereka . Terjemahkan secara amalan dan perjuangan untuk menyelamatkan manusia seluruhnya dengan Islam yang sempurna. Dalam

masa yang sama kita wajib menghisab diri dalam muktamar ini sejauhmana kewajipan Islam yang telah kita tunaikan, dengan akal yang bijak berpandukan petunjuk Allah yang tersurat dan tersirat.

88. Bagi melaksanakan kewajipan yang besar yang sangat berat ini, ianya tidak tertanggung oleh langit bumi, bukit bukau dan gunung ganang, hanya mampu dipikul oleh mereka yang adil untuk semua, ia tidak boleh dilaksanakan oleh mereka yang zalim dan jahil . Firman Allah :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا

وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾ الأحزاب:72

Maksudnya :

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan Yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”

89. Ada pun para Rasul A.S. adalah contoh yang wajib diteladani dengan kemampuan melaksanakannya. Di zaman tiada lagi nabi dan Rasul ini, maka kumpulan Islam yang berjama'ah dan berparti adalah menjadi penyambung dengan membawa mesej Islam dan menjadi penyelamat untuk semua .

90. Maka PAS yang berwadah Islam Ini hendaklah bersikap adil secara terbuka terhadap diri sendiri, kawan dan musuh. Maka PAS wajib memuhasabah dirinya dengan Islam, bersahabat dengan semua kumpulan Islam, bertahaluf dengan semua pihak yang bersedia untuk bekerjasama dalam perkara yang baik dan

menentang kemungkaran mengikut landasan Islam dan batas-batasnya, terbuka dengan semua pihak , dengan yakin kepada perintah Allah :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾ وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا

السَّيِّئَةُ ۗ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾ وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا

الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾ وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ ۗ إِنَّهُ هُوَ

السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

Maksudnya :

33. Dan tidak ada Yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

34. Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

35. Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat.

36. Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka hendaklah engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

91. PAS juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Perak, Pengerusi dan Jawatankuasa Panitia Muktamar, Perhubungan PAS Perak, Petugas-petugas, Pasukan Unit Amal dan semua pihak yang menjayakan Muktamar ke 54 ini. Mudah-mudahan segala amal ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah s.w.t.

92. Saya RASMIKAN Muktamar PAS kali ke 54 ini dengan menyebut sabda Rasulullah s.a.w. :

سيروا على بركة الله .

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين .

الله أكبر , الله أكبر , الله أكبر , والله الحمد .